Utusan Borneo: 11 November 2026

Lelaki Indonesia kena 10 bulan ugut bekas isteri, masuk haram

Tertuduh dirujuk kepada imigresen selepas jalani hukuman penjara

KUCHING: Seorang lelaki warga Indonesia dijatuhi hukuman penjara keseluruhan 10 bulan semalam selepas mengugut untuk membunuh bekas isterinya yang merupakan warga Malaysia, selain didapati berada di negara ini tanpa pas yang sah.

Majistret Nureina Syafika Mohd Najib menjatuhkan hukuman penjara enam bulan terhadap Yohanes Agum, 50, di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan atas kesalahan melakukan ugutan jenayah.

Kesalahan itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Hakim Mahkamah Sesyen Mursyida Abd Halim kemudian menjatuhkan hukuman penjara empat bulan dan dua sebatan terhadap tertuduh di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, yang boleh dihukum mengikut Seksyen 6(3) akta sama kerana memasuki negara ini tanpa pas yang sah.

Mursyida turut memerintahkan supaya Yohanes dirujuk kepada Jabatan Imigresen selepas selesai menjalani hukuman penjara.

Mahkamah mendapati Yohanes melakukan ugutan jenayah terhadap mangsa pada 16 September lalu kira-kira jam 10.30 pagi, di sebuah rumah di Kampung Segedup, Batu Kawa.

Tertuduh juga didapati memasuki negara ini tanpa pas yang sah pada 2 November, kira-kira jam 8.10 malam, di lokasi sama.



KE PENJARA: Tertuduh (tengah) diiringi keluar kamar mahkamah selepas perbicaraan semalam.

Mengikut fakta kes, pengadu yang juga bekas isteri tertuduh bertengkar dengannya pada 16 September berhubung hasratnya untuk mengambil semula barangan peribadi dari rumah berkenaan.

Ketika pertengkaran berlaku di dapur, Yohanes mengugut untuk membunuh pengadu sekiranya wanita itu mengambil barangan miliknya, termasuk mesin basuh, peti sejuk, peti sejuk bekudan televisyen.

Pada 2 November, pengadu bersama polis pergi ke rumah berkenaan untuk mengambil semula barangan tersebut.

Polis kemudian meminta Yohanes mengemukakan dokumen pengenalan diri untuk pemeriksaan dan pengesahan, namun tertuduh gagal menunjukkan sebarang dokumen yang sah.

Dia kemudian ditahan kerana disyaki berada di Malaysia tanpa dokumen perjalanan atau pas yang sah.

Siasatan mendapati Yohanes memasuki Malaysia melalui laluan tidak sah di kawasan Lubok Antu tanpa menjalani pemeriksaan imigresen.

Semakan dan pengesahan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) turut mendapati tiada rekod kemasukan atau keluar negara bagi tertuduh.

Polis juga mengesahkan bahawa Yohanes melakukan ugutan jenayah terhadap pengadu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aidil Akmal Sharidan dan Muhammad Afiq Safly Nor Kazly secara berasingan, manakala Yohanes tidak diwakili peguam.